

# Tiada dialog dengan Israel

KUCHING 5 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan Malaysia tidak akan mengadakan sebarang dialog dengan Israel kerana kedua-dua buah negara tidak mempunyai hubungan diplomatik.

Menurut Abdullah, oleh kerana tiadanya hubungan diplomatik, soal mengadakan dialog Israel dengan Malaysia dan Indonesia tidak timbul langsung.

Kelmarin, Duta Israel ke Singapura, Ilan Ben-Dov berkata, pihaknya mahu mengadakan dialog bersama Indonesia dan Malaysia bagi menyelesaikan masalah di Asia Barat.

Abdullah yang merasmikan Perhimpunan Agung Parti Progresif Demokratik Sarawak (SPDP) di sini, "tiba dengan pesawat khas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (LTAK) hari ini.

Ketibaan beliau disambut oleh Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Turut hadir Timbalan Ketua Menteri, Tan. Sri Dr. George Chan dan Tan. Sri Alfred Jabu, menteri-menteri Kabinet, ketua kaum, penghulu dan lebih 3,000 orang yang mewakili parti-parti komponen Barisan Nasional Sarawak

Suasana di ruang ketibaan LTAK dimeriahkan dengan persembahan kebudayaan pelbagai kaum serta kibaran bendera melibatkan ahli-ahli parti komponen.

Semalam Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar ketika mengulas cadangan Ben-Dov itu berkata kepada *Utusan Malaysia*: "Mereka (Israel) menerima perlindungan penuh kuasa besar dunia, mereka tidak perlukan negara-negara seperti kita."